

Jenis Akhbar : *Berita Harian Online*
Tarikh : 18/04/2017
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my

ANGKASA tawar selaras permohonan pinjaman penjawat awam

Oleh Amir Hamzah Nordin

JERANTUT: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menawarkan diri untuk memberi kemudahan bagi menyelaras semua permohonan pinjaman kewangan oleh kira-kira 1.5 juta penjawat awam.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya berupaya berbuat demikian kerana memiliki sistem kawal selia pinjaman bersepadu bagi mengelak penjawat awam menanggung beban melebihi had pinjaman sehingga memberi kesan negatif kepada kehidupan dan produktiviti mereka.

"Kita bersetuju cadangan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda, untuk mewujudkan satu pangkalan data berpusat bagi menapis semua jenis permohonan pinjaman oleh penjawat awam.

"Kita menyarankan supaya satu sahaja agensi berpusat yang dilantik menyelaras permohonan peminjam untuk mengelak kakitangan awam berhutang teruk sehingga boleh menjurus kepada kebangkrapan.

"Setakat ini, ada lebih 10 agensi yang mempunyai kod potongan gaji dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) termasuk ANGKASA sendiri dan kod potongan gaji dipatuhi mustahil akan berlaku masalah yang dimaksudkan," katanya selepas merasmikan Persidangan Negeri ANGKASA Pahang Zon 2, di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Temin, di sini, hari ini.

Abdul Fattah juga berkata, ANGKASA mengalu-alukan cadangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memudahkan prosedur pertubuhan sesebuah koperasi. "Kerajaan menasakkan sekurang-kurangnya 16,000 koperasi dapat ditubuhkan menjelang tahun 2020, angka itu tidak mustahil dicapai kerana pada ketika ini 13,000 koperasi telah ditubuhkan di seluruh negara," katanya.